



**SELEPAS PELANCARAN ...** Para peserta bergambar kenangan bersama Shafie dan para tetamu jemputan.

**KOTA KINABALU:** Pihak kerajaan dan swasta perlu bersedia sedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) di negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, Sabah perlu bersedia dengan perkembangan revolusi berkenaan bagi mengelak dari ketinggalan.

"Kita sedar dan tahu sistem yang ada pada hari ini

mungkin akan lapuk dalam jangka masa yang pendek dan kalau kita tidak dapat disesuaikan dari segi ilmu pengetahuan dan keupayaan kita dalam industri ini kita akan ketinggalan.

"Ini memerlukan kesedaran untuk kita bukan hanya menyediakan prasarana dari segi infrastruktur, polisi, dasar dan inisiatif untuk membolehkan supaya kita dapat melau-

hirkan tenaga manusia, usahawan yang ingin melabur dalam sektor-sektor ini.

"Saya dapati banyak inisiatif yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan dan swasta seperti kita dapati bahawa (syarikat) telco sama ada Celcom, TM yang terbabit (hari ini).

"Kita mempunyai prasarana seperti Sabah.Net, Warisan Harta dan Sedco yang

# Kerajaan, swasta perlu sedia hadapi cabaran IR4.0

NST 20.8.2019 2

boleh memainkan peranan untuk memastikan supaya prasarana yang disediakan dapat mempermudah supaya pemain industri boleh memanfaatkan sebaik mungkin," ujarnya.

Shafie turut berkata, dengan adanya IR4.0 tidak menjejaskan peluang pekerjaan di negeri ini.

"Kita akan lihat dari segi kerangka mana, sektor mana yang kita mahukan supaya ruang dan peluang pekerjaan juga harus kita lahirkan.

"Ia tidak boleh menjadi automasi semata-mata tetapi perlu juga menawarkan peluang pekerjaan kerana kita sedar ada lima ribu anak-anak yang keluar dari universiti setiap tahun dan di mana mereka mendapat peluang pekerjaan sekiranya sebahagian besar daripada sektor yang kita bagi tumpuan kurang peluang

pekerjaan kerana menggunkan autonomi.

"Ini kita perlu lihat supaya ianya seimbang dalam memastikan tenaga pekerja mencukupi dan tidak ketinggalan dalam IR4.0," jelas beliau kepada media selepas merasmikan Sabah IT Symposium 2019 di Dewan Bankuasi Utama, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah kelmarin.

Seramai 408 peserta yang terdiri daripada pemain industri, pegawai teknologi maklumat kerajaan dan swasta, penyarah serta pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi swasta dan awam.

Sementara itu Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah (JPKNS), Ernywati Dewi Abas berkata, penganjuran seminar berkenaan adalah bagi memberi kesedaran berkenaan IR4.0 kepada mereka yang terlibat dalam bidang Teknologi Mak-

lumat (IT).

"Kita berharap melalui program anjuran bersama di antara JPKNS, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Sabah.Net akan dapat mendidik dan memberi kefahaman kepada para peserta mengenai IR4.0.

"Seminar julung kali dianjurkan ini juga menjadi platform untuk berhubung dan menjalin jaringan kerjasama di antara pihak kerajaan, pihak universiti dan pemain industri.

"Kita akan mengumpul semua maklumat baru yang dibentangkan dan dibawa ke peringkat seterusnya untuk penilaian sama ada boleh dilaksanakan oleh kerajaan negeri," katanya.

Hadir sama pada program ialah Naib Canselor UMS, Profesor Dr Taufik Yap Yun Hin dan Pengarah Urusan Sabah.Net, Liawas Barukang.